

19.1.2026
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PROJEK PENYAMBUNGAN SALURAN PAIP UTAMA PERTAMA DI PULAU PINANG TANPA GANGGUAN BEKALAN AIR

- **Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai Kedua di Sungai Dua akan disambungkan menggunakan teknologi *hot tapping* (penyambungan paip tanpa henti aliran) dan *line stopping* (penghentian aliran paip sementara).**
- **Tiada Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) kepada kira-kira 26,000 pengguna air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).**

PULAU PINANG, Isnin, 19.1.2026: Buat pertama kali dalam sejarah bekalan air Pulau Pinang, satu projek penyambungan saluran paip utama bersaiz 900mm akan dilaksanakan tanpa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI).

Pada 28 Januari 2026, PBAPP akan melaksanakan kerja-kerja penyambungan akhir bagi bahagian baharu saluran paip menyeberangi sungai bernilai RM3.2 juta di Sungai Dua, Seberang Perai Utara (SPU). Projek ini merupakan projek Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai kedua yang disiapkan dalam tempoh dua tahun.

Teknologi *hot tapping* dan *line stopping* akan digunakan bagi mengelakkan penutupan saluran paip yang membekalkan air terawat dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke kawasan Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Dengan pelaksanaan ini, kira-kira 26,000 pengguna air di SPU dan SPT akan terhindar daripada SWSI yang berpotensi berlangsung antara 24 hingga 48 jam.

Teknologi “*Line stopping*” & “*hot tapping*”

PBAPP telah melantik kontraktor pakar bagi kerja-kerja penyambungan akhir Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai 2 seperti berikut:

27.1.2026 (Selasa)	
Persediaan kerja “ <i>line stopping</i> ”	Sebahagian daripada bahagian saluran paip lama (yang akan digantikan) akan dipasang dengan kelongsong <i>hot tapping</i> . Mesin <i>line stopping</i> akan dipasang pada kelongsong tersebut bagi mengalihkan aliran air melalui saluran paip lencongan sementara menggunakan injap pintu (<i>gate valve</i>)

28.1.2026 (Rabu): Kerja-kerja penyambungan akhir		
1.	"Hot tapping" dan pemotongan paip konvensional	Mesin <i>hot tapping</i> yang dipasang pada kelongsong <i>hot tapping</i> boleh memotong saluran paip dari dalam kelongsong dalam keadaan kedap air.
2.	Lencongan aliran air sementara	- Injap pintu ditutup, sekali gus menghentikan aliran air melalui bahagian salur paip yang telah dipotong apabila mesin <i>hot tapping</i> ditarik keluar. - Mesin <i>line stopping</i> mengalihkan aliran air ke saluran paip lencongan sementara, justeru bekalan air tidak perlu dihentikan.
3.	Penanggalan bahagian "saluran paip lama"	- Penyahairan saluran paip lama. - Penggunaan kren bagi mengangkat dan meletakkan bahagian saluran paip. - Empat (4) orang pengimpal ditugaskan bagi mempercepatkan kerja kimpalan. - Ujian udara (<i>air test</i>) dilaksanakan selepas kerja kimpalan selesai. - Injap pintu dibuka bagi membolehkan aliran air melalui bahagian salur paip baharu.
4.	Pemasangan dan penyambungan bahagian salur paip baharu (kimpalan)	
5.	Pemasangan <i>blank flanges</i>	Untuk membolehkan akses <i>manhole</i> 610mm ke bahagian saluran paip baharu pada masa hadapan.
29.1.2026 (Khamis)		
Penanggalan mesin <i>line stopping</i>		Kerja-kerja penyambungan akhir selesai.

Butiran Utama Projek

Kerja-kerja penyambungan akhir pada 28 Januari 2026 akan dilaksanakan berhampiran dua buah restoran di Sungai Dua, iaitu Restoran Sri Tambang dan Restoran Aur Gading.

Anggaran kos PBAPP bagi pelaksanaan teknologi line stopping dan hot tapping adalah sebanyak RM800,000 berbanding kira-kira RM80,000 bagi kaedah penyambungan akhir konvensional. Walau bagaimanapun, pendekatan ini membolehkan 26,000 pengguna air tidak terjejas oleh Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI).

Sekiranya kerja-kerja sambungan akhir Saluran Paip Menyeberangi Sungai Perai 2 ini berjaya dilaksanakan mengikut jadual dan tanpa sebarang isu, PBAPP akan mempertimbangkan penggunaan semula teknologi ini bagi pelaksanaan projek-projek akan datang.

Secara keseluruhan, penggunaan teknologi *line stopping* dan *hot tapping* adalah lebih memudahkan pengguna air di Pulau Pinang serta operasi PBAPP.

Namun demikian, pelaksanaan pada masa hadapan perlu mengambil kira beberapa faktor utama, termasuk kos, jangka masa, jenis dan saiz saluran paip, bilangan pengguna yang mendapat manfaat (pengguna air) serta saiz tapak kerja.

Langkah Berjaga-jaga: Sila Simpan Air untuk Kegunaan 24 Jam

Pada 28 Januari 2026, teknologi *line stopping* dan *hot tapping* akan digunakan buat pertama kali di Pulau Pinang.

Syarikat pakar yang dilantik telah berjaya melaksanakan kerja-kerja seumpama ini di beberapa negeri lain. Kerja-kerja penyambungan akhir di Pulau Pinang dijangka dapat disiapkan tanpa gangguan bekalan air.

Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, PBAPP memohon kerjasama pengguna air di kawasan-kawasan berikut untuk menyimpan air bagi kegunaan selama 24 jam, iaitu dari 28 Januari 2026 hingga 29 Januari 2026, sekiranya berlaku sebarang kejadian di luar jangkaan:

- SPU: Sungai Dua
- SPT: Alma, Bukit Mertajam (termasuk Pekan Bukit Mertajam), Bukit Minyak, Bukit Teh, Cherok Tokun, Kampung Baru, Kampung Kota, Kota Permai, Machang Bubok, Padang Lalang, Penanti, Permatang Pasir, Sungai Rambai, Taman Bukit, Taman Bukit Indah, Taman Sentosa.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my